



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau

2024

# RONA TINTA

e-BULETIN  
EDISI  
2024

FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU



CHIEF EDITOR  
**SYAZLIANA KASIM**

EDITORS  
**FARRAH OTHMAN**  
**NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI**  
**SHAHRUL AMRI AB WAHAB**  
**DR. HAFIZ ALI, M.**

eISSN 2785-9126



9 7727 8591 2007





# **APABILA MEDIA TIDAK BERHENTI PADA WAKTU YANG SEPATUTNYA**

**SHHRUL AMRI AB WAHAB & NOOR  
AZILLAH MOHAMAD ALI**

Tanggal 20 Julai yang lalu, tular satu kes kehilangan kanak-kanak yang bernama Albertine Leo dalam satu pesta Bon Odori di Eco Galleria, Iskandar Puteri. Hasil siasatan pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) akhirnya mendapati bahawa kanak-kanak itu telah diculik dan berdasarkan laporan terkini, pelakunya sudahpun dihadapkan ke muka pengadilan.

Memandangkan kes ini telah tular sejak awal, pihak media massa seperti biasa melaporkan kes tersebut dari awal kes sehinggalah suspek penculikan dibicarakan di mahkamah. Walaubagaimanapun, pihak media telah melakukan satu kesilapan apabila memilih untuk terus melaporkan perkembangan kes tersebut melampaui had garis masa yang sepatutnya.

Bilakah yang dimaksudkan dengan had garis masa yang sepatutnya itu? Had garis masa laporan itu sepatutnya tamat apabila pihak polis mendedahkan bahawa suspek penculikan Albertine Leo disyaki seorang pedofil. Walaupun setelah itu media hanya menyebut 'seorang

kanak-kanak' dalam laporan seterusnya, semua orang yang mengikuti kes tersebut sudah maklum siapakah kanak-kanak yang 'dirahsiakan' identitinya itu, lebih-lebih lagi bila tempat kehilangannya disebut secara jelas dalam laporan tersebut.

Kebiasaannya media tidak akan mendedahkan identiti kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual atas sebab ingin menjaga maruah kanak-kanak yang terlibat. Sekiranya si pelaku jenayah itu merupakan saudara terdekat kanak-kanak tersebut, muka tertuduh akan dikaburkan agar orang ramai tidak dapat mengenali siapa si pelaku tersebut. Namun dalam kes Albertine Leo ini, para pengarang berita kelihatan seperti tidak menggunakan kemahiran berfikir dengan baik apabila memutuskan untuk terus memberi liputan kepada kes kanak-kanak malang tersebut.

Bahkan ada sesetengah media dengan jelas menyebut nama mangsa tanpa berselindung. Tidak dapat dipastikan mengapa piawaian media bagi kes ini dilihat longgar dan bersalahan dengan piawaian sebelum-sebelum ini. Yang lebih aneh, tidak ada pihak atasan yang menegur keterlanjuran itu.



Gambar 1: Sidang media oleh Ketua Polis Negeri Johor

Di samping pihak media, pihak PDRM juga seharusnya memainkan peranan untuk tidak mendedahkan hasil siasatan yang mengaibkan mangsa dalam sidang media khususnya apabila mangsa telahpun dikenali ramai. Kendatipun begitu, kesalahan PDRM ini tidaklah seberat kesilapan yang dibuat oleh pihak media.

Semoga kejadian sebegini tidak lagi berulang pada masa hadapan. Sama-samalah kita berdoa agar para pengarang media lebih cakna dan berfikir lebih panjang sebelum menerbitkan satu-satu laporan selepas ini, dan juga agar masyarakat melupakan apa yang telah terjadi kepada adik Albertine dalam masa terdekat ini supaya beliau boleh hidup dengan tenang.